# Your Company's Corporate Responsibility Leadership

## KEPIMPINAN TANGGUNGJAWAB KORPORAT SYARIKAT ANDA

The benefits of honey for wellness has been well documented through history of times and today, honey as a curable end product, can be said to contribute positively to the well-being of the thousands who harvest it and the millions who consume it around the world. In a similar vein, HeiTech is committed to the holistic impact of ethical, community-conscious, and ecologically-responsible business practises.

HeiTech runs Corporate Responsibility ("CR") Programmes aligned with the government's aspiration that all public listed companies (PLCs) shall involve actively in CR initiatives, mainly to develop human capital and benefit the nation's stakeholders.

Apart from implementing employee relation programmes to realize the fullest potential of its employees, such as assessments, surveys, trainings, study subsidies, family-oriented activities and awards, HeiTech also makes modest and sizeable contributions in service to the community at large.

*Manfaat madu untuk kesihatan telah didokumentasikan merentasi sejarah masa dan hari ini, madu menjadi produk penawar yang berfaedah untuk memberi sumbangan positif kepada kesejahteraan beribu-ribu orang yang menuainya dan berjuta-juta yang menggunakannya seluruh dunia. Dalam kaitan yang sama, HeiTech komited terhadap kesan amalan perniagaan yang beretika, mesra masyarakat dan mesra alam sekitar.*

*HeiTech melaksanakan Program Tanggungjawab Korporat ("TK") selari dengan aspirasi kerajaan yang menyarankan semua syarikat senaraian awam perlu bergiat aktif dalam inisiatif-inisiatif TK terutamanya untuk membangunkan modal insan dan faedah kepada pihak yang berkepentingan.*

*Selain daripada melaksanakan program hubungan pekerja untuk merealisasikan potensi sebenar kakitangannya seperti melaksanakan dan memberikan kajiselidik, latihan, subsidi pelajaran, aktiviti berorientasikan kekeluargaan dan anugerah, HeiTech juga turut menghulurkan sumbangan ikhlas dalam khidmatnya kepada masyarakat secara amnya.*



Award Giving Ceremony to excellent students in Pekan / *Majlis Anugerah Pelajar Terbaik di Pekan*

"Transforming the future generation through education" is the impetus for HeiTech's English Education Series ("EES") Software programme where ICT-aided language learning is making huge impact on numerous primary schools in Pulau Pinang, Kedah, Kelantan and Pahang. The programme helped halve the percentage of failures in Standards 4 to 6 students in the course of a year.

School Motivational Talks and Educational Camps on a regular basis by HeiTech executives for secondary school students are also a regular part of our CR programme.

Above are just some several highlights but our CR means that at any given time, HeiTech strives to be constructively engaging with its employees, its clients, society and the environment at large.

*Aspirasi "merubah generasi masa depan menerusi pendidikan" diterjemahkan menerusi Perisian Pembelajaran Bahasa Inggeris ("EES") di mana alat bantuan mengajar ICT ini telah memberi impak yang besar kepada sekolah-sekolah rendah yang terpilih di Pulau Pinang, Kedah, Kelantan dan Pahang. Program ini sedikit sebanyak telah berjaya meningkatkan kadar peratusan kelulusan para pelajar bagi Darjah 4 hingga 6 dalam matapelajaran bahasa Inggeris setiap tahun.*

*Sesi Ceramah Motivasi serta Kem Pendidikan peringkat sekolah juga turut dianjurkan oleh HeiTech sebagai sebahagian daripada program TK kami.*

*Paparan di atas merupakan sebahagian daripada sorotan program dan aktiviti yang dianjurkan HeiTech tetapi pada dasarnya TK kami bermaksud HeiTech pada setiap masa dan ketika, senantiasa berusaha untuk terus memastikan kesinambungan dalam penglibatan dan hubungan sesama kakitangan, para pelanggan, masyarakat dan alam sekitar.*



Launch of 'Program Memperkasa Generasi Muda' at Sekolah Kebangsaan Kertau / *Pelancaran Program Memperkasa Generasi Muda di Sekolah Kebangsaan Kertau*

# Corporate Responsibility (CR) in HeiTech




**Figure 1:**
HeiTech Corporate Responsibility ("CR") Life Cycle

## HeiTech CR Life Cycle

At HeiTech, CR leadership goes beyond than philanthropic. We have a vision that defines the Company that aspire to be; and employer's of choice that enable business transformation through empowerment and accountability. This vision was set for our stakeholders; to and for our customers, our employees and our nation. Figure 1 above depicts our CR life cycle that governs four (4) main thrusts: (1) Corporate Accountability (2) Employee Engagement (3) Environmental Responsibility and (4) Community Involvement. Our partners and stakeholders within the life cycle have had collaborated with us, and indeed, their perspectives and feedbacks have endeavoured us to continuously enhance our CR efforts.

# Tanggungjawab Korporat (TK) di HeiTech




**Rajah 1:**
*Kitaran Hidup Tanggungjawab Korporat ("TK") HeiTech*

## Kitaran Hidup TK HeiTech

*Di HeiTech, kepimpinan dalam TK melebihi dari hanya menghulurkan sumbangan. Kami mempunyai visi untuk menjadi majikan pilihan yang membawa perubahan kepada perniagaan melalui pemberian kuasa dan kebertanggungjawapan. Visi ini telah ditetapkan untuk pihak-pihak yang berkepentingan kepada kami; kepada dan untuk pelanggan-pelanggan, pekerja-pekerja serta negara kami. Rajah 1 di atas menggambarkan kitaran hidup TK kami yang bersandarkan kepada empat (4) nilai utama: (1) Kebertanggungjawapan Korporat (2) Hal Ehwal Pekerja (3) Tanggungjawab Terhadap Alam Sekitar dan Hal Ehwal Masyarakat. Rakan niaga dan pihak-pihak yang bekepentingan kepada kami di dalam kitaran hidup tersebut telah berkerjasama dengan kami, dan sememangnya, pandangan dan maklumbalas mereka telah memberi semangat untuk terus meningkatkan usaha TK kami.*

# *Corporate Responsibility (CR) in HeiTech*

In the year 2008, under review, we have undergone the following initiatives:-

| Organization / Institution / School | Type / Description | Stakeholder |
|---|---|---|
| **Educational Trend Sdn. Bhd.** | Our subsidiary that designs the English Education Services ("EES") Software for schools nationwide | Selected primary schools nationwide and suburb students |
| **HeiTech Managed Services Sdn. Bhd.** | Our subsidiary that deploys Environmental Management System in its Tier IV Standard Data Centre | Customers and environment |
| **HeiTech Padu Berhad** | Hosted educational visits and expose the students on careers in ICT and its headway | Kolej Komuniti Paya Besar, Universiti Sains Islam Malaysia dan Universiti Industri Malaysia |
| **HeiTech Padu Berhad** | Ongoing Customer service program branded as: "Relationship Oriented Service Excellence ("ROSE"); aimed to substantiate insights in achieving service excellence that can create greater customer satisfaction, loyalty and recurring opportunities in the long term | HeiTech's employees and customers |
| **HeiTech Padu Berhad** | Ongoing go green stewardship and cost saving initiatives through 3R [reduce, reuse and recycle] | HeiTech's employees |
| **HeiTech Padu Berhad** | Ongoing employee relationship and wellness programme through HeiTech Club: Sports Day, Family Day, Outings, Teambuilding, Long Service Awards, appreciation luncheon and dinners | HeiTech's employees |
| **Malaysian Institute of Management ("MIM")** | HeiTech partnered with MIM towards the provision of leadership trainings for executives, managers and senior management | Employees of HeiTech and MIM |
| **NGOs & HeiTech Padu Berhad** | Launching of the Breast Cancer Awareness Campaign | Malaysians |
| **National Blood Centre** | Ongoing blood donation drive (the most consistent CR, since 2001) Frequency: Twice a year | Malaysians |

*Dalam tahun 2008, di bawah tinjauan, kami telah melaksanakan inisiatif-inisiatif berikut:*

| Organisasi / Institusi / Sekolah | Jenis / Huraian | Pihak-pihak yang berkepentingan |
|---|---|---|
| **Educational Trend Sdn. Bhd.** | Anak syarikat kami yang merekacipta Program Komputer English Education Services ("EES") untuk sekolah-sekolah seluruh negara | Sekolah-sekolah rendah yang terpilih seluruh negara dan pelajar-pelajar luar bandar |
| **HeiTech Managed Services Sdn. Bhd.** | Anak syarikat kami yang menjalankan Sistem Pengurusan dengan menitikberatkan Alam Sekitar di dalam Pusat Datanya yang mencapai Piawaian Tier IV | Pelanggan dan alam sekitar |
| **HeiTech Padu Berhad** | Menjadi hos kepada lawatan sambil belajar daripada institusi pengajian tinggi bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar mengenai perkembangan terkini dunia ICT | Kolej Komuniti Paya Besar, Universiti Sains Islam Malaysia dan Universiti Industri Selangor |
| **HeiTech Padu Berhad** | Khidmat pelanggan berterusan yang di jenamakan sebagai: Hubungan Berorientasikan Khidmat Pelanggan Cemerlang ("ROSE"); dengan objektif untuk memperkasakan kesedaran dan pemahaman mengenai kepentingan perkhidmatan yang cemerlang dalam meningkatkan kepuasan pelanggan, kesetiaaan dan peluang perniagaan dalam jangka masa panjang | Pekerja-pekerja dan pelanggan HeiTech |
| **HeiTech Padu Berhad** | Amalan sistem "hijau" yang berterusan dan inisiatif-inisiatif penjimatan kos melalui 3M [Mengurangkan, Mengguna Semula dan Mengitar Semula] | Pekerja-pekerja HeiTech |
| **HeiTech Padu Berhad** | Hubungan pekerja berterusan melalui Kelab Kakitangan HeiTech: Hari Sukan, Hari Keluarga, Pengukuhan Kumpulan, Anugerah Khidmat Setia, jamuan dan penghargaan | Pekerja-pekerja HeiTech |
| **Malaysian Institute of Management ("MIM")** | HeiTech berkerjasama dengan MIM dalam menyediakan latihan-latihan kepimpinan untuk eksekutif, pengurus dan pengurusan kanan | Pekerja-pekerja HeiTech dan MIM |
| **Badan-badan Bukan Kerajaan & HeiTech Padu Berhad** | Pelancaran Kempen Kesedaran Barah Payudara | Rakyat Malaysia |
| **Pusat Darah Negara** | Kempen derma darah yang berterusan (TK yang paling konsisten, sejak 2001) Kekerapan: dua kali setahun | Rakyat Malaysia |

# *Corporate Responsibility (CR) in HeiTech*

| Organization / Institution / School | Type / Description | Stakeholder |
|---|---|---|
| **Pusat Pengajian Islam Kampung Awah** | Charitable contributions in form of sponsorship | Teachers and students |
| **Palestinian Victims of War Fund** | Charitable contributions in form of cash | Palestinian citizens |
| **Partner Management and Procurement ("PMP") of HeiTech** | Ongoing management of supply chains with generate cost saving in relation to; price protection, discount, refund, rebate, marketing and development fund | Authorized PMP business partners HeiTech's employees, subsidiaries and customers |
| • **Sekolah Kebangsaan Pedu, Kuala Nerang, Kedah**<br>• **Sekolah Kebangsaan Kampong Belukar, Alor Setar, Kedah**<br>• **Sekolah Kebangsaan Penaga, Kepala Batas, Pulau Pinang**<br>• **Sekolah Kebangsaan Permatang Sintok, Bukit Mertajam, Pulau Pinang**<br>• **Sekolah Kebangsaan Batu Melintang, Jeli, Kelantan**<br>• **Sekolah Kebangsaan Perupok, Bachok, Kelantan**<br>• **Sekolah Kebangsaan Pianggu, Rompin, Pahang**<br>• **Sekolah Kebangsaan Kertau, Chenor, Maran, Pahang** | "Program Memperkasakan Generasi Muda" Comprises programmes such as English Camp, Motivational talk and ICT Literate | Teachers, students and parents of respective schools and states |
| **Sekolah Kebangsaan Kertau, Chenor, Maran, Pahang** | Ongoing school adoption programme towards achieving 100% literacy by year 2012 | Teachers, students and parents |
| **Sekolah Seri Puteri, Cyberjaya** | Adopted an orang asli 5As UPSR achiever; Adik Nooranizah Abu, a former student of Sekolah Kebangsaan Temai, Pekan. The first anak orang asli in Pekan to score 5As in UPSR examination. Awarded a scholarship for her secondary studies in Sekolah Seri Puteri, Cyberjaya | "Orang Asli" |

| Organisasi / Institusi / Sekolah | Jenis / Huraian | Pihak-pihak yang berkepentingan |
|---|---|---|
| **Pusat Pengajian Islam Kampung Awah** | Sumbangan untuk para pelajar luar bandar | Guru-guru dan murid-murid |
| **Tabung Kemanusiaan Palestin** | Sumbangan untuk mangsa perang | Warga Palestin |
| **Pengurusan Rakan Niaga dan Pembelian ("PMP") HeiTech** | Pengurusan rangkaian pembekalan yang berterusan dengan menghasilkan penjimatan kos berkenaan dengan perlindungan harga, diskaun, bayaran balik, rebet, pemasaran dan tabung untuk tujuan peningkatan | Rakan niaga PMP yang diberi kuasa, pekerja-pekerja, anak-anak syarikat dan pelanggan-pelanggan HeiTech |
| • **Sekolah Kebangsaan Pedu, Kuala Nerang, Kedah**<br>• **Sekolah Kebangsaan Kampong Belukar, Alor Setar, Kedah**<br>• **Sekolah Kebangsaan Penaga, Kepala Batas, Pulau Pinang**<br>• **Sekolah Kebangsaan Permatang Sintok, Bukit Mertajam, Pulau Pinang**<br>• **Sekolah Kebangsaan Batu Melintang, Jeli, Kelantan**<br>• **Sekolah Kebangsaan Perupok, Bachok, Kelantan**<br>• **Sekolah Kebangsaan Pianggu, Rompin, Pahang**<br>• **Sekolah Kebangsaan Kertau, Chenor, Maran, Pahang** | "Program Memperkasakan Generasi Muda" merangkumi program seperti Kem Bahasa Inggeris, Seminar Motivasi serta Celik IT | Guru-guru, ibubapa dan pelajar-pelajar sekolah berkenaan |
| **Sekolah Kebangsaan Kertau, Chenor, Maran, Pahang** | Program sekolah angkat di mana matlamatnya ialah untuk mencapai peratusan 100% dalam 3M (membaca, menulis dan mengira) pada tahun 2012 | Guru-guru, Pelajar-pelajar dan ibubapa |
| **Sekolah Seri Puteri, Cyberjaya** | Mengambil seorang anak orang asli, yang mencapai 5A dalam UPSR, sebagai anak angkat; Adik Nooranizah Abu, bekas pelajar Sekolah Kebangsaan Temai, Pekan.<br>Anak orang asli yang pertama di Pekan mencapai 5A dalam peperiksaan UPSR.<br>Dianugerahkan biasiswa untuk menyambung pelajaran peringkat menengah di Sekolah Seri Puteri, Cyberjaya | Orang Asli |

# *Corporate Responsibility (CR) in HeiTech*

## Corporate Accountability

HeiTech CR leadership executes ongoing stakeholder consultation with its employees, customers, business partners, governmental organizations and non-governmental organizations. These are our stakeholders. As to enhance our CR effort, your Company attempts to solicit and gauge constructive feedbacks from them. In return, we will channel those feedbacks and inputs for the purpose of transforming our CR leadership within the Executive Committee's leadership for improvement. In the Year 2008, under review, your Company benefits from regular and occasional dialogues with its stakeholders [as in the itemised table] at page 132 and page 134 of this Annual Report. These stakeholder forums proved crucial in substantiating feedbacks from expert in sustainable development. Topics of concerns included:-

- Supply-chain local citizenship;
- Suggestions for new initiatives for HeiTech;
- Governance and accountability;
- Breast Cancer Awareness;
- Blood Donation Drive;
- Refining green Information Communications Technology;
- Public policy spending through conference, seminars and workshop; and

HeiTech has engaged with its stakeholders in producing this year CR report. The feedbacks of the above itemised concerns are currently being reviewed for the purpose of an informed reporting to our stakeholders.





## Environmental Responsibility

HeiTech is the leading ICT local player that deploys Environmental Management System in its Data Center Tier IV ready at Bukit Jelutong Shah Alam (branded as Hei Tech Village 2). Never before in the history of HeiTech's business have we seen such a critical need to build a "green system" dedicated to improving the environment. Indeed, it's truly transformational; for our customers, employees and nation. HeiTech CR leadership also empowers its employees to go green vide its 3R effort - Reduce, Reuse and Recycle. Our challenge to all HeiTech employees and stakeholders is to joining us heading to this 3R effort and disseminate (or show) us how we can work together to create a greener future.

This year's environmental responsibility includes a paper 'less' effort in reducing the publication of this Annual Report vide CD Rom. In addition, we encourage our stakeholders to adopt the 3R effort [as stated on our CD Rom and at the back cover of this Annual Report].

In relation to our sustainable day-to-day operations, HeiTech has been very much vocal in managing waste avoidance. It's a core component of your Company's commitment to become the greenest ICT leader in Malaysia. We strive to use water, energy and any environmental-related products such as papers and furniture responsibly wherever we do business.

# Tanggungjawab Korporat (TK) di HeiTech

## Kebertanggungjawapan Korporat

Kepimpinan TK HeiTech melaksanakan perundingan pihak yang berkepentingan secara berterusan dengan kakitangannya, para pelanggan, rakan-rakan niaga, agensi-agensi kerajaan dan organisasi-organisasi bukan kerajaan. Mereka adalah pihak yang berkepentingan kepada kami. Bagi mengembangkan lagi usaha TK, Syarikat anda cuba untuk mendapatkan dan mengumpulkan maklumbalas membina daripada mereka. Seterusnya, kami akan menyalurkan maklumbalas serta input tersebut bagi tujuan merubah kepimpinan TK kami kepada kepimpinan Jawatankuasa Eksekutif untuk penambahbaikkan. Dalam tahun 2008, di bawah tinjauan, Syarikat anda mendapat faedah daripada dialog yang diadakan secara kerap dengan pihak yang berkepentingan (seperti jadual di bawah) pada halaman 133 dan halaman 135 Laporan Tahunan ini. Forum-forum pihak yang berkepentingan ini membuktikan betapa pentingnya maklumbalas mereka dalam memastikan pembangunan berkekalan. Antara topik-topik yang dipilih termasuklah:

- Rantaian bekalan tempatan;
- Cadangan inisiatif-inisiatif baru bagi HeiTech;
- Urus tadbir dan kebertanggungjawapan;
- Kesedaran barah payudara;
- Kempen derma darah;
- Memperhalusi konsep "hijau" dalam Teknologi Maklumat dan Komunikasi;
- Perbelanjaan dalam menyokong polisi awam menerusi persidangan, seminar dan bengkel; dan

HeiTech turut melibatkan pihak yang berkepentingan dalam pembikinan laporan TK tahun ini. Maklumbalas daripada isu-isu berkaitan seperti di atas kini sedang diteliti bagi tujuan penghasilan laporan yang





komprehensif kepada pihak yang berkepentingan kepada kami.

## Tanggungjawab Terhadap Alam Sekitar

HeiTech merupakan satu-satunya syarikat peneraju ICT tempatan yang menggunapakai Sistem Pengurusan Alam Sekitar di Pusat Data Tier IV, Bukit Jelutong Shah Alam (dijenamakan sebagai HeiTech Village 2). Ini merupakan satu lakaran sejarah kepada perniagaan HeiTech di mana kita dapat lihat keperluan kritikal untuk membina "sistem hijau" khusus bagi penambahbaikkan alam sekitar. Sesungguhnya, ia merupakan transformasi sebenar; untuk kakitangan, para pelanggan dan negara. Kepimpinan TK HeiTech juga menggalakkan kakitangannya untuk menjayakan konsep "hijau" menerusi usaha 3M - Menggurangkan, Mengguna Semula dan Mengitar Semula. Cabaran kami kepada seluruh kakitangan dan pihak yang berkepentingan ialah untuk bersama-sama merealisasikan usaha 3M ini seterusnya menjalin kerjasama berterusan bagi menjana masa depan yang segar dan bersih.

Tanggungjawab terhadap alam sekitar pada tahun ini termasuklah usaha ke arah penjimatan penggunaan kertas dengan merubah penerbitan Laporan Tahunan ini ke dalam bentuk cakera padat. Dengan cara ini juga, kami turut menggalakkan pihak yang berkepentingan untuk bersama-sama menjayakan usaha 3M [seperti yang dijelaskan pada cakera padat kami dan halaman belakang Laporan Tahunan ini].

Dari segi operasi harian kami, HeiTech sememangnya amat menekankan pengurusan penjimatan. Ia merupakan komponen penting kepada komitmen Syarikat anda untuk menjadi peneraju ICT "terhijau" di Malaysia. Antara usaha kami termasuklah penjimatan penggunaan bekalan air, tenaga dan produk-produk berasaskan alam sekitar seperti kertas dan perabot.

# Corporate Responsibility (CR) in HeiTech

In the year 2008, under review, we displayed the commitment to reduce, reuse and recycle 80-90 percent of waste from our day-to-day operations by 2011. We also continued to focus on go-green stewardship by reducing our paper usage.

Candidly, HeiTech's long-term goal is to double the "greenness" of our premises and operations by adopting a green cleaning programme which mandates cleaning products and techniques designed to be gentler to the environment. On our go-green stewardship, we encourage innovation in our paper supply chain to go online as against manually paper oriented usage.

## Employee Engagement

At HeiTech, your Company encourages employees to speak frankly-and privately-about HeiTech's principles, values, strategies, policies, managerial effectiveness and employee engagement. Our CR leadership takes swift actions based on specific responses and survey results; not only listening but also acting accordingly. Changes in direct response to survey comments have included:-

- increased focus on employees' development;
- improved customer - centric satisfaction and loyalty;
- streamlined decision - making processes; and
- balanced work - life flexibility.

As at 30 April 2009, the statistical data of your Company's employees is as follows:-

**Statistic of HeiTech Employees as at 30 April 2009**




**Professional/Technical - 511 Acquisition - 57 Support - 299**



As a transformational ICT Company, our managers are held accountable for promoting the HeiWay Values at all times. In HeiTech, employees have several avenues for raising issues and concerns through; our open door approach - which encourages open and honest communications and closed door approach through other avenues within and amongst the member of Executive Committee leadership. Training and e-learning programmes have been directly tied to HeiTech's business needs. Your Company's trainings are designed to prepare employees for current and future roles. HeiTech has made substantial investments in managerial and leadership development (by partnering with the Malaysian Institute of Management) in 2008. As part and parcel of HeiTech's CR leadership, your Company engages its employees through free medical screenings, vision checks, smoking cessation and stress management workshops. Our health improvement affairs aim to create ample opportunities to improve our employees' health and reduce out-of-pocket medical insurance costs through participation in targeted programmes. Most importantly, HeiTech emphasizes the significance of workplace health and safety. Our Health and Safety Policy speaks strongly on this ongoing effort.

*Pada tahun 2008, di bawah tinjauan, kami komited untuk mengurangkan, mengguna semula dan mengitar semula sebanyak 80-90 peratus bahan buangan dari operasi harian kami pada 2011. Kami juga meneruskan kesinambungan untuk memfokuskan ke arah konsep "hijau" dengan mengurangkan penggunaan kertas.*

*Selain itu, matlamat jangka panjang HeiTech ialah untuk menggandakan "kehijauan" operasi dan premis kami dengan mengadaptasikan program kebersihan "hijau" yang menekankan penghasilan produk dan teknologi yang mesra alam sekitar. Dalam hubungan ini, kami menggalakkan inovasi dalam rantaian bekalan kertas kami melalui penggunaan dalam talian menggantikan penggunaan manual yang berorientasikan kertas.*

### Hal Ehwal Kakitangan

*Di HeiTech, Syarikat anda menggalakkan kakitangannya untuk berkomunikasi samada secara berterus-terang ataupun sulit mengenai prinsip, nilai, strategi, polisi, keberkesanan pengurusan dan penglibatan kakitangan. Kepimpinan TK kami mengambil tindakan segera berdasarkan respon dan keputusan kajiselidik; bukan sahaja sekadar mendengar tetapi juga melaksanakannya. Antara inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan berdasarkan kepada komen-komen daripada kajian tersebut termasuklah:-*

- *meningkatkan fokus terhadap pembangunan kakitangan;*
- *menambahbaik orientasi pelanggan dari segi kepuasan dan kesetiaan;*
- *proses membuat keputusan yang tersusun; dan*
- *keseimbangan dalam pekerjaan dan kehidupan.*

*Berikut ialah data statistik mengenai kakitangan Syarikat anda setakat 30 April 2009:-*

**Statistik Pekerja-Pekerja HeiTech setakat 30 April 2009**




Profesional/Teknikal - 511 Pengambilan - 57 Sokongan - 299



*Sebagai Syarikat ICT, para pengurus kami bertanggungjawab untuk mempromosikan Nilai-Nilai HeiWay pada setiap masa. Di HeiTech, kakitangan mempunyai beberapa tempat untuk mengenengahkan sebarang isu iaitu menerusi kaedah "pintu terbuka", yang menggalakkan komunikasi secara terbuka dan jujur serta kaedah "pintu tertutup" menerusi tempat yang berbeza di dalam dan sesama ahli kepimpinan Jawatankuasa Eksekutif. Latihan dan program e-pembelajaran sememangnya berkait rapat dengan keperluan perniagaan HeiTech. Latihan Syarikat anda dibentuk khusus sebagai persiapan kakitangan untuk memainkan peranan dengan lebih berkesan pada masakini dan akan datang. HeiTech membuat pelaburan yang signifikan dalam pembangunan pengurusan dan kepimpinan (menerusi kerjasama dengan Institut Pengurusan Malaysia) pada 2008. Sebagai sebahagian daripada kepimpinan TK HeiTech, Syarikat anda berjaya menarik penglibatan kakitangan ke dalam inisiatif-inisiatif seperti pemeriksaan kesihatan, pemeriksaan penglihatan, kempen berhenti merokok serta pengurusan tekanan. Matlamat penambahbaikkan kesihatan kami ialah untuk mewujudkan peluang yang seimbang dalam meningkatkan kesihatan kakitangan di samping mengurangkan kos insurans kesihatan menerusi penyertaan dalam beberapa program sasaran. Selain daripada itu, HeiTech juga senantiasa menekankan kepentingan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Polisi Kesihatan dan Keselamatan kami yang sedia ada memperjelaskan usaha berterusan ini.*

# *Corporate Responsibility (CR) in HeiTech*

## Community Involvement

Together with HeiTech's employees, we have made meaningful contributions and philanthropic supports to the community. Activities such as the Blood Donation Drive and the Breast Cancer Awareness Programme have had given a ray of hope to Malaysians through our community involvement. We always believe in connecting with the communities and literating the communities. These supports are stemmed out from our dedicated employees through the spirit of voluntarism. The contributions, in any forms, to the communities is to transform their lives to a better tomorrow. In relation to our literacy programme, your Company, have been relentlessly championing the "English Stewardship Proficiency for Suburb" programme vide the EES Software [as depicted in page 132 and page 134 of this Annual Report].





At the same time, guiding students on the meaning of digital inclusion; to learning about basic computers and ICT literacy. We have been, throughout the years, prior to this CR reporting promoting digital literacy of suburb students in suburb areas.

## HeiTech CR Going Forward

One of the challenges to executing our CR leadership is the centralization of our CR effort within HeiTech Group of Companies. Nevertheless, to address this gap, we have centralized such CR effort [post corporatization] under the umbrella of HeiTech's Corporate Office function which is responsible for developing a system to track all CR activities across its group of Companies. Once this system is in place, we expect that future reports will contain a more detailed, coherent and robust report of your Company's CR headway, accomplishments and challenges.

## Hal Ehwal Masyarakat

HeiTech bersama-sama dengan kakitangannya berbesar hati menghulurkan sumbangan dan bantuan amal kepada masyarakat. Aktiviti-aktiviti berorientasikan kemasyarakatan seperti Kempen Derma Darah dan Program Kesedaran Barah Payudara telah memberi sinar harapan kepada rakyat Malaysia. Kami senantiasa percaya kepada jalinan mesra dengan masyarakat dan kami optimis untuk mewujudkan masyarakat yang celik IT, membaca dan juga menulis. Bantuan seperti ini dijana menerusi semangat sukarelawan kakitangan HeiTech sendiri. Sumbangan kami ini, samada dalam bentuk kewangan atau seumpamanya, ialah untuk merubah kehidupan mereka ke arah masa depan yang lebih cerah. Dalam hubungan program celik IT, membaca dan mengenal huruf ini, Syarikat anda telah maju selangkah ke hadapan khususnya dalam memperkasa penguasaan Bahasa Inggeris menerusi





Perisian EES [seperti digambarkan pada halaman 133 dan halaman 135 Laporan Tahunan ini] dan pada masa yang sama, membimbing para pelajar luar bandar mengenai manfaat penggunaan IT melalui pembelajaran asas komputer dan ICT.

## TK HeiTech Menuju ke Hadapan

Salah satu daripada cabaran dalam melaksanakan kepimpinan TK kami ialah dalam pemusatan usaha TK di dalam Kumpulan Syarikat HeiTech. Walaubagaimanapun, bagi mengatasi jurang ini, kami telah memusatkan usaha TK (selepas pengkorporatan) di bawah payung; fungsi Pejabat Korporat HeiTech yang bertanggungjawab dalam membangunkan satu sistem khusus untuk mengesan dan menyusun semua aktiviti-aktiviti TK merentasi kumpulan syarikat HeiTech. Apabila sistem ini sudah tersedia, kami menjangkakan laporan yang akan datang akan lebih terperinci dan lengkap merangkumi halatuju, pencapaian dan juga cabaran TK Syarikat anda.

**Our CR story is beyond than the normal annecdotes, this is just a few of them...**

## HeiTech created a first by sponsoring Indigenous student.

January 09 - HeiTech's effort in ensuring the continued development of future generations continues, with the adoption of an Indigenous student, Nooraniza Abu.

The selection of Nooraniza was based on a chronology of events, culminating from her success at the Ujian Pencapaian Sekolah Rendah ("UPSR") level, where she scored 5As, and also her selection to the elite Sekolah Menengah Seri Putri, in Cyberjaya.

Commenting on the move, HeiTech's Executive Chairman, Dato' Mohd Hilmey Mohd Taib said, that HeiTech had always been looking for ways to help the less fortunate, especially students in rural areas.

"With the adoption of Nooraniza, it is hoped that it will encourage and motivate other like her to strive for success," said Dato' Mohd Hilmey.

As a pioneer of the program, Nooraniza will receive sponsorships in the form of a scholarship and be given a laptop. Besides that, HeiTech will also be in constant communication with her parents, to update them on her development and will be working closely with the school to monitor her progress.

The sponsorship from HeiTech, for Nooraniza to further her studies at Sekolah Menengah Seri Puteri, Cyberjaya was announced by YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, Deputy Prime Minister of Malaysia, who is also Member of Parliament for Pekan, during the Award Giving Ceremony For Excellent UPSR 2008 Students, at Pekan Parliament constituency in Dewan Konvensyen Sultan Ahmad Shah Pekan, Pahang Darul Makmur.



Sharing the secret of her success, Nooraniza explains that her parents had always encouraged her to work hard and strive for excellence in everything that she does, especially examinations. She also added that they always reminded her the importance of knowledge, for her to have a bright future.

> **"Further, not many indigenous children succeed in obtaining a higher education, due to poverty and the lack of interest in studying, said Nooraniza."**

The youngest of six siblings added that her sister Nazrin Wanni, 17, who is currently sitting for the Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) at Sekolah Menengah Sains Sultan Ahmad Shah, Pekan had scored 4A 1B in her UPSR examination and her success was the inspiration for her to get better results.

Her Father, Abu Ahi, 55, works as an administrative assistant in Bahau, Negeri Sembilan, only comes back to visit during the holidays, whilst her mother, Yang Hasan, 52, works in a kindergarten, as a helper.

**Kisah TK kami adalah luar dari kisah-kisah biasa, ini adalah sebahagian daripadanya...**

## HeiTech Catat Sejarah Tersendiri Biaya Pelajar Orang Asli Cemerlang

*Januari 2009 - Usaha HeiTech untuk memperkasakan generasi pelapis negara diteruskan di mana buat julung kalinya HeiTech telah mengambil seorang anak orang asli, adik Nooraniza Abu sebagai pelajar angkatnya.*

*Pemilihan adik Nooraniza adalah rentetan daripada kejayaan cemerlang beliau pada Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) lalu dengan mendapat 5A. Bekas murid Sekolah Kebangsaan Temai Pekan ini juga bakal mencipta sejarah tersendiri apabila berjaya melanjutkan pelajarannya ke Sekolah Menengah Seri Puteri di Cyberjaya.*

*Mengulas mengenai inisiatif ini, Pengerusi Eksekutif HeiTech, Dato' Mohd Hilmey Mohd Taib berkata, HeiTech sentiasa berusaha mencari ruang dan peluang bagi membantu golongan pelajar khususnya di kawasan luar bandar.*

*"Pengambilan adik Nooraniza sebagai pelajar angkat diharap dapat menyuntik semangat dan motivasi generasi muda kita untuk belajar dengan gigih," ujar Dato' Mohd Hilmey.*

*Sebagai perintis program ini, adik Nooraniza akan menerima pembiayaan dalam bentuk biasiswa pelajaran selain menerima sumbangan sebuah komputer riba. HeiTech juga akan sentiasa berhubung dengan ibu bapa dan pihak sekolah bagi memastikan kebajikan adik Nooraniza diuruskan dengan baik. Selain itu, HeiTech dengan kerjasama pihak sekolah juga akan memantau prestasi akademik beliau dari masa ke semasa.*

*Kejayaan Nooraniza yang mendapat pembiayaan HeiTech melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah Seri Puteri, Cyberjaya diumumkan sendiri oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri merangkap Ahli*



*Parlimen Pekan, semasa menyempurnakan Majlis Penyampaian Anugerah Pelajar Cemerlang UPSR 2008 peringkat Parlimen Pekan di Dewan Konvensyen Sultan Ahmad Shah Pekan, Pahang Darul Makmur.*

*Berkongsi rahsia disebalik kejayaannya, adik Nooraniza menjelaskan ibu bapanya selalu memberi dorongan untuk belajar bersungguh-sungguh dan dapat keputusan cemerlang dalam setiap peperiksaan. Mereka juga memberi nasihat bahawa ilmu pelajaran itu penting untuk masa depan.*

> ***"Tambah lagi, tidak ramai anak-anak Orang Asli mampu mencapai kejayaan dalam pelajaran disebabkan tidak bersekolah kerana kemiskinan hidup selain tidak berminat untuk belajar, ujar beliau."***

*Anak bongsu daripada enam beradik ini turut menambah kakaknya, Nazrin Wanni, 17, yang ketika ini sedang menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di Sekolah Menengah Sains Sultan Ahmad Shah, Pekan, mendapat 4A 1B dalam UPSR dan kejayaan itu dijadikan pembakar semangat untuk meraih keputusan lebih baik.*

*Bapanya, Abu Ahi, 55, hanya bekerja sebagai pembantu rendah awam di Bahau, Negeri Sembilan, dan hanya pulang menjenguk keluarga ketika hari cuti, manakala ibu pula, Yang Hasan, 52, hanya bekerja sebagai pembantu tadika.*

